

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 06.12.2024 MASA: 12.00PM

**MUKTAMAD**



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN ABDUL  
HAMID**

**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH  
SEKOLAH HIJAU PERINGKAT SEBERANG  
PERAI 2024**

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**09 DISEMBER 2024 (ISNIN)**

**2.30 PETANG**

**DEWAN AUDITORIUM  
MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye**

EXCO Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar Dan Desa

**Yang Dihormati Encik Carlos Cano**

Pengarah Urusan

Continental Automotif Components (M) Sdn Bhd

**Yang Dihormati Whip Ahli Majlis**

**En Bernard Cheen Goon Hoi**

**En Zainuddin Bin Mohamed**

**Datuk Mohd Noor Bin Ahmad**

**En Muhamad Suzuki Bin Ahmad**

Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**

Setiausaha Bandaraya

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Guru-Guru Dan Pelajar-Pelajar Sekolah**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

\*\*\*\*\***TAMAT**\*\*\*\*\*

Bi0smillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. atas kurniaan nikmat kesihatan dan rahmat kelapangan, kerana telah mengizinkan kita untuk berkumpul dalam **Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Sekolah Hijau 2024 Peringkat Seberang Perai** di Auditorium Menara Bandaraya, Majlis Bandaraya Seberang Perai.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkап Pengerusи Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa yang sudi hadir melancarkan Majlis pada petang yang berbahagia ini.
3. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Encik Carlos Cano, Location and Plant Manager Continental Automotive Components Malaysia Sdn. Bhd. serta pasukan yang menjalankan kerjasama strategik dengan MBSP dalam usaha-usaha kitar semula secara khususnya dan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar di Seberang Perai secara amnya. Saya amat mengharapkan agar kerjasama strategik ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa dalam pelaksanaan pelbagai program MBSP di Seberang Perai.

4. Untuk makluman semua, Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. adalah merupakan rakan strategik sejak tahun 2010 lagi, dalam penganjuran dan penajaan Program Sekolah Hijau di Seberang Perai. MBSP amat berterima kasih kepada Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. dan kakitangannya di atas sokongan padu yang berterusan dalam memperkasakan pendidikan dan kesedaran pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di kalangan murid-murid di sekolah-sekolah di Seberang Perai.
5. Anugerah Sekolah Hijau ini diadakan setiap tahun untuk mempergiatkan mempergiatkan usaha untuk menggalakkan dan memberi kesedaran kepada orang ramai, khususnya pelaja-pelajar sekolah tentang kepentingan penjagaan alam sekitar. Objektif program ini adalah untuk :-
- i. Meningkatkan kesedaran pelajar terhadap alam sekitar
  - ii. Pengintegrasian alam sekitar dalam kurikulum sekolah
  - iii. Menggalakkan amalan hijau di sekolah
  - iv. Menggalakkan penerapan nilai moral dan etika alam sekitar kepada pelajar
6. Jumlah penyertaan sekolah bagi Program Anugerah Sekolah Hijau bagi tahun 2024 adalah sebanyak 14 buah sekolah menengah dan 40 buah sekolah rendah. Tempoh masa adalah bermula pada Januari 2024

sehingga April 2024 bagi para pelajar yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Manakala penyampaian hadiah kepada pemenang diadakan di sini pada hari ini.

7. Penilaian Sekolah Hijau 2024 Peringkat Seberang Perai secara fizikal di sekolah telah diadakan pada 23 September 2024 hingga 10 Oktober 2024. Sekolah yang tersenarai pendek bagi kedudukan tiga ke atas telah dijemput untuk membentangkan laporan sekolah hijau bagi penilaian akhir pada 24 Oktober 2024. Penilaian ini bertujuan untuk memilih kedudukan tempat pertama, kedua dan ketiga.
8. Penilaian yang dibuat adalah berdasarkan kriteria-kriteria seperti kecekapan sumber asli (penjimatan tenaga elektrik, pemuliharaan dan penjimatan air; kecekapan sumber), inovasi dan kreativiti, kebersihan dan penghijauan, penglibatan digital dan juga pembentangan.
9. Bagi menjayakan program ini, pihak sekolah telah bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk menggalakkan para pelajar mewujudkan pendekatan secara holistik berkenaan pengurusan alam sekitar bagi menjaga kelestarian alam sekitar dan kesedaran mengenai pentingnya pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar yang perlu diterapkan sedari awal lagi.
10. Pemenang akan membawa pulang hadiah berupa wang tunai dan sijil penghargaan. Jumlah penajaan hadiah adalah RM27,900.00 dan

disumbangkan oleh pihak Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd.

11. Diharap melalui program Anugerah Sekolah Hijau ini pihak sekolah sentiasa berusaha secara berterusan bersama MBSP dalam merealisasikan ‘*Smart Consumption*’ model bagi *Sustainable Development Goals 12 & 13* iaitu *Responsible Consumption & Production* dan *Climate Action*. Selain itu, pihak sekolah juga diharap dapat menekankan pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar terhadap para pelajar dalam mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdayahuni, dalam menzahirkan, “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif”.
12. Akhir kata, saya mengucapkan TAHNIAH & SYABAS kepada pemenang-pemenang Pertandingan Anugerah Sekolah Hijau 2024 Peringkat Seberang Perai ini yang akan menerima hadiah kemenangan sebentar lagi. Memanglah adat pertandingan, semestinya ada pemenang dan ada yang tidak menang. Bagi yang tidak menang,kekalkan semangat dan cuba lagi pada masa akan datang. Apa yang penting di sini adalah pengalaman dan kesedaran yang telah diperolehi yang amat bermakna bagi setiap peserta.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***